

# 90 peratus siswazah UMP diterima bekerja

UM (Dlm Negeri) Ah-mis 28/10/10 ms 35



MOHD. Zaini Hassan menerangkan sesuatu kepada Dr. Daing Nasir Ibrahim (dua dari kanan) semasa sesi lawatan kakitangan Universiti Malaysia Pahang ke Jabatan Pengarang Utusan Malaysia di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 27 Okt. – Kira-kira 90 peratus siswazah Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menempatkan diri dalam sektor pekerjaan hanya dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, peratusan itu membuktikan siswazah UMP mempunyai daya saing dan kekuatan tersendiri sehingga mampu memikat majikan dalam tempoh yang singkat.

“Saya berbangga dengan kejayaan ini. Ini membuktikan pelajar keluaran UMP sebenarnya mempunyai keistimewaan tersendiri selain serba boleh sehingga dengan cepat mampu menonjolkan kebolehan diri kepada majikan.

“Saya percaya dengan gabungan pengetahuan, kemahiran dan latihan selain penekanan aspek *softskill* turut menjadi antara penyumbang utama kepada kejayaan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas kunjungan hormat oleh pegawai-pegawai kanan UMP ke Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di sini hari ini.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidi-

kan dan Inovasi), Profesor Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Yusserrie Zainuddin.

Utusan pula diwakili Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Penolong Ketua Pengarang 1, Datuk Mohd. Zaini Hassan; Pengarang *Utusan Malaysia*, Hassan Mohd Noor; Pengarang Berita, Rozaman Ismail; Ketua Meja Sains dan Teknologi, Laupa Junus dan Penolong Pengarang 2 *Kosmo!*, Lokman Othman.

Beliau berkata, pihaknya juga akan sentiasa menjalin kerjasama erat bersama industri bagi memastikan pelajar lepasan UMP akan terus menjadi pilihan utama majikan untuk ditawarkan peluang pekerjaan.

Justeru itu katanya, bagi memastikan kualiti pelajarannya sentiasa berada di tahap terbaik, pihaknya akan mendapatkan khidmat tenaga pengajar yang berkualiti dan mempunyai pengalaman luas dalam industri.

“UMP sentiasa meletakkan tanda aras yang tinggi dalam mencipta kejayaan dengan menjadikan universiti-universiti terbaik di dunia sebagai panduan dan rujukan,” katanya.